

18 FEB 1997

ANAK PENEROKA DIBERI KEUTAMAAN USAHAKAN TANAH REZAB FELDA

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan memberi keutamaan kepada anak-anak peneroka rancangan Felda yang tinggal di tanah rancangan dan bekerja di ladang-ladang bagi mengisi kekosongan tanah rezab Felda di seluruh negara.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam hari ini berkata buat masa ini terdapat 1,240 lot tanah rancangan yang masih kosong yang akan diagih-agihkan kepada anak peneroka berkenaan.

"Kita akan berbincang dengan kerajaan negeri untuk mendapatkan kerjasama mengenai cara ia akan diagihkan bagi mengelakkan rungutan kelak," kata beliau kepada pemberita di sini.

Osu, yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri sebelum itu menghadiri majlis perjumpaan tertutup Umno Sabah dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya kementeriannya telah menerima lebih 20,000 permohonan untuk mengisi kekosongan tanah rezab berkenaan dan daripada jumlah itu sebanyak 3,500 layak untuk tujuan itu.

"Bagaimanapun kita belum lagi memutuskan cara untuk mengagihkan lot-lot berkenaan. Mungkin kita perlu menemuduga lagi mereka ini atau kita akan mengadakan cabutan bagi lot-lot tanah," katanya. -- BERNAMA

JS NMO